

## 22,000 kanak-kanak khatam al-Quran sejak 2005

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]



**Ahmad Razif dan isteri, Toh Puan Seri Halina Zakaria** bersama peserta pada majlis Perasmian Penutup Hari Potensi Kanak-Kanak Tabika Kemas Negeri Terengganu 2017 di Kuala Terengganu, kelmarin.

**Kuala Terengganu:** Program Penghayatan Islam dan Pintar al-Quran berjaya melahirkan 22,000 kanak-kanak Tabika KEMAS yang khatam al-Quran sejak program itu dilaksanakan pada 2005 sehingga kini.

Pengarah KEMAS negeri, Dr Faridah Mat, berkata daripada keseluruhan 878 kelas Tabika KEMAS di negeri ini, sebanyak 702 sudah melaksanakan Program Penghayatan Islam dan Pintar al-Quran hasil inisiatif Kerajaan Terengganu.

“Kerajaan negeri membantu memperkasakan pendidikan Tabika KEMAS sejak 2005 apabila setiap tahun memperuntukkan RM4.2 juta bagi melaksanakan dua program berkenaan.

“Setakat ini 176 kelas masih belum melaksanakan program ini, namun kita jangka ia akan di-segerakan selepas kerajaan negeri memperuntukkan bajet baharu kepada KEMAS,” katanya selepas Penutupan Hari Potensi KEMAS

2017 Peringkat Terengganu, di Stadium Nasiruddin Shah, kelmarin.

Seramai 476 wakil kanak-kanak dari Tabika KEMAS seluruh daerah menyertai majlis penutupan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman.

Sementara itu, Faridah berkata, sehingga kini seramai 702 guru khas mengaji seluruh negeri sudah dilantik untuk membimbing kira-kira 20,000 kanak-kanak Tabika KEMAS.

“Setiap tahun lebih 20,000 kanak-kanak mendaftar di Tabika KEMAS dan mereka yang berdaftar di kelas melaksanakan Program Penghayatan Islam dan Pintar al-Quran tidak terkecuali untuk mengikuti program berkenaan.

“Bagi guru khas kelas mengaji, mereka diberi masa dua jam setiap hari persekolahan untuk mengajar kanak-kanak ini mengaji dan eluan RM500 diberikan kepada guru terbahit setiap bulan sebagai suguhati,” katanya.